AUTHOR: No author available SECTION: SUKAN AUDIENCE : 85,000 PAGE: 39 PRINTED SIZE: 141.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,849 WORDS: 200
ITEM ID: DP0122534190



16 NOV, 2026

TNB ThunderStars juara MHL 2026

Utusan Malaysia, Malaysia

TNB ThunderStars juara MHL 2026

PETALING JAYA: TNB ThunderStars menutup kempen Liga Hoki Malaysia (MHL) Premier 2026 dengan kejayaan manis apabila dinobatkan juara liga meskipun tewas 1-2 kepada Terengganu Hockey Team (THT) dalam aksi terakhir di Stadium Hoki TNB, Bangi, kelmarin.

Kekalahan itu menyaksikan ThunderStars gagal mengekalkan rekod tanpa kalah sepanjang saingan, namun ia tidak menjejaskan kedudukan mereka di puncak carta liga selepas mengumpul 31 mata.

Sebaliknya, kemenangan THT memastikan pasukan dari Pantai Timur itu mengesahkan kedudukan naib juara dengan 27 mata, ketinggalan empat mata di belakang ThunderStars.

Kapten ThunderStars, Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi berkata, kejayaan menjulang kejuaraan liga itu hadir hasil komitmen tinggi serta kerja keras semua pemain sepanjang musim ini.

Bagaimanapun, pemain itu mengakui kegagalan mengekalkan kemenangan dalam aksi terakhir berpunca daripada hilang fokus selain mensia-siakan beberapa peluang yang terhidang.



NIK MUHAMMAD AIMAN NIK ROZEMI

"Kami perlu memperbaiki kelemahan terutama pukulan sudut penalti, selain tahap fokus ketika beraksi supaya kesilapan sama tidak berulang dalam perlawanan akan datang," katanya kepada pemberita, kelmarin.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, ketika diminta mengulas mengenai peningkatan insentif Skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam), Nik Muhammad Aiman menyambut baik inisiatif yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) khususnya kepada atlet dalam acara berpasukan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.